

## **Peristiwa dan Kenangan dalam Syair Diraja Melayu Perak-Johor Era Kontemporari**

**Rosnani Ibrahim\*, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Shaiful Bahri Md. Radzi**

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang* (1953) merupakan rakaman terakhir sejarah golongan diraja. Golongan raja tidak lagi menjadi idea dalam penulisan setelah kehadiran kuasa Barat yang membawa corak kepengarangan yang pelbagai bentuk dan genre. Syair tidak lagi menjadi pilihan sebagai wadah penulisan. Corak kepengarangan sedemikian mula menjadi lemah apabila sastera moden berkembang. Sedangkan, pada abad ke-16 hingga ke penghujung abad ke-19, syair ialah satu daripada wadah pengkaryaan penulis-penulis istana. Corak kepengarangan pada era ini ialah pujian dan penceritaan mengenai sultan pada zamannya. Walau bagaimanapun, pada era kontemporari ini muncul dua karya sedemikian iaitu *Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat* (2009) karya Mohd Ibrahim Said dan *Syair Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* (2018) oleh Maskiah Masrom. Kedua-dua teks syair diraja ini dijadikan sampel kajian. Hasil penekunan menemukan kedua-dua penulis menjadikan raja sebagai objek penulisan. Peristiwa dan kenangan menjadi idea kepengarangan yang digunakan oleh kedua-dua penulis dalam mempersembah penceritaan berhubung raja-raja mereka. Kaedah kaji banding diaplikasikan semasa meneliti kepengarangan penulis dalam mempersembahkan idea rakaman sejarah diraja pada era kontemporari. Kaedah

kajian secara intrinsik terhadap sampel kajian juga turut digunakan. Dapatan kajian menemukan persamaan kepengarangan dalam merakamkan peristiwa dan kenangan yang berlaku semasa perjalanan hidup raja mereka.

*Kata kunci:* Kajian perbandingan, kepengarangan, kontemporari, kritikan sastera, syair diraja

### ARTICLE INFO

*Article history:*

Received: 28 March 2022

Accepted: 21 June 2022

Published: 1 December 2022

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.4.23>

*E-mail addresses:*

[rosnani74@gmail.com](mailto:rosnani74@gmail.com) (Rosnani Ibrahim)

[muammar@ukm.edu.my](mailto:muammar@ukm.edu.my) (Muammar Ghaddafi Hanafiah)

[shaifulradzi@gmail.com](mailto:shaifulradzi@gmail.com) (Shaiful Bahri Md. Radzi)

\*Corresponding author

## Events And Memories in Syair Diraja Melayu Perak–Johor Contemporary Era

### ABSTRACT

Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (1953) is the last recording of royal history. The raja group is no longer an idea in writing after the presence of Western powers that brought together their pattern in the authorship of various forms and genres. Poetry is no longer an option as a writing platform. Such authorship is starting to weaken when modern literature is rife. In the 16<sup>th</sup> century to the end of the 19<sup>th</sup> century, syair was one of the masterpieces of the palace writers. The authorship pattern in this era is praise and narration of the sultan in his time. However, two works emerged in this contemporary era: *Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat* (2009) by Mohd Ibrahim Said and *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* (2018) by Maskiah Masrom. Both texts of this Royal syair are made as a study sample. The results found that both writers made the king their object of writing. Events and memories became the idea of authorship used by these two writers to present a narrative concerning their kings. The comparative study methods were applied to examine the author's authorship in presenting the idea of recording the royal history of the contemporary era. Intrinsically research on the study samples was also used. The findings found that there is a similarity in authorships to record events and memories during their king's life.

Keywords: *Literary criticism, comparative study, authorship, royal poetry, contemporary*

### PENGENALAN

Ketepatan fakta menjadi idea atau isi penceritaan berhubung peristiwa sejarah<sup>1</sup> yang dimuatkan dalam karya syair. Ketepatan fakta adalah kerana ketiadaan unsur sakral, mitologis, kesaktiaan dan motif legenda dalam isi atau idea penceritaan yang dimuatkan dalam karya sejarah berbentuk syair ini. Isi atau idea penceritaan sedemikian diakui kebenarannya jika dibandingkan karya penulisan sejarah

dalam bentuk prosa, hikayat dan salasilah. Begitu juga dengan karya syair diraja yang lahir pada era kontemporari iaitu *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* yang diterbitkan pada tahun 2009 karya Ibrahim Mohd Said. Sembilan tahun kemudian muncul pula *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* yang dihasilkan oleh Maskiah Masrom pada tahun 2018. Kedua-dua penulis syair ini bukan daripada golongan istana. Mereka juga tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan kerabat diraja. Sebaliknya, kedua-dua penulis ini hanya

<sup>1</sup> Muhammad Yusuff Hashim (1991) menjelaskan bahawa karya sastera bercorak sejarah dapat digunakan terus sebagai sumber sejarah.

rakyat yang bekerja sebagai guru. Situasi ini tidak memungkinkan mereka berpeluang mendekati atau menjejaki istana untuk mendapatkan maklumat mengenai sultan negeri masing-masing yang dijadikan objek penceritaan dalam karya mereka. Walau bagaimanapun, kedua-dua penulis mampu mengungkapkan, menggambarkan dan memerihalkan sultan masing-masing dalam karya syair diraja ini.

Cerita-cerita sejarah yang dikemukakan dalam syair-syair pemerihalan raja atau pemerintah adalah berdasarkan peristiwa yang benar-benar berlaku, tempat-tempat dan watak-watak yang pernah wujud (Harun Mat Piah, 1987). Fakta sejarah yang tepat seperti yang dijelaskan oleh Harun Mat Piah diaplikasi oleh kedua-dua penulis. Objektifnya agar pengarang<sup>2</sup> dapat memperkembangkan karya ini dalam konteks pemerihalan, pengangkatan dan penyanjungan penyair terhadap raja bagi negeri masing-masing. Justeru, kedua-dua<sup>3</sup> penulis merakamkan peristiwa, kenangan, nostalgia pada zaman kanak-kanak, remaja serta kenangan pahit manis dalam perjalanan hidup yang dilalui oleh sultan mereka, yang menjadi idea kepengarangan dalam dua karya syair diraja ini. Mesej dan pengajaran yang dipaparkan melalui nostalgia zaman kanak-kanak yang dilalui oleh Sultan

Azlan Shah membuktikan bahawa baginda lahir di sebuah perkampungan, hidup dan membesar dengan penuh kenangan yang membahagiakan. Justeru, baginda memiliki jiwa kerakyatan yang tinggi. Manakala peristiwa dan kenangan yang dilalui oleh Sultan Ibrahim memberikan mesej dan pengajaran kepada khalayak bahawa cabaran hidup akan dilalui biarpun berdarah raja kerana setiap manusia adalah sama di sisi Yang Maha Kuasa.

### Objektif Kajian

*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar* merupakan dua karya syair baharu dalam era kontemporari. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti idea, menghuraikan dan membincangkan skop atau kriteria yang menjadi idea kepengarangan, dan
2. membandingkan idea, skop dan kriteria yang menjadi idea kepengarangan bagi kedua-dua karya syair diraja ini.

### METODOLOGI

Metode kajian teks digunakan dalam kajian ini kerana penganalisan menggunakan penelitian secara berulang kandungan ke atas kedua-dua teks karya ini. Pembacaan teks *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar* dilakukan secara rapi dan berulang-ulang kali bagi memahami penyampaian idea atau isi cerita yang dijadikan fokus kajian. Kaedah analisis kandungan turut diaplikasikan

2 Harapan Ibrahim Mohd Said (2009) terhasilnya karya syair kisah dan riwayat hidup jasa dan sumbangan baginda akan terpahat untuk tatapan generasi kemudian hari.

3 Maskiah Masrom (2018) menyatakan bahawa karya syair ini dihasilkan sebagai satu gubahan karangan syair diraja tentang diri tuanku yang perlu dihargai, dibanggai dan dikagumi.

bagi mendapatkan maklumat berhubung idea kepengarangan kedua-dua penulis dalam memerihalkan dan mengangkat raja negeri masing-masing. Maklumat atau data yang diperoleh, dikumpul untuk dianalisis menggunakan kaedah kaji banding. Analisis ini dilakukan bagi membandingkan idea kepengarangan yang diguna pakai oleh kedua-dua pengarang dalam karya mereka.

### Data Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap dua teks syair iaitu:

1. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* hasil karya Ibrahim Mohd Said yang diterbitkan pada tahun 2009.
2. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* karya Maskiah Masrom yang diterbitkan pada tahun 2018.

### Justikasi Pemilihan Teks

Kedua-dua teks kajian dipilih berdasarkan empat faktor. Pertama, berasaskan kepada garis masa yang meletakkan zaman kontemporari iaitu bermula pada tahun 1970 hingga kini. Manakala zaman moden ialah sekitar 1880 hingga 1970. Berpandukan garis masa ini, syair terakhir yang membicarakan sultan atau raja ialah *Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang* (1953). Karya inilah yang masih berbaki sebelum tradisi persuratan Melayu tradisional ini mati dan digantikan oleh sastera moden yang memainkan peranan signifikan pada abad ke-21. Oleh yang demikian, *Syair Riwayat*

*Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang* tidak berada dalam lingkungan garis masa zaman kontemporari kerana syair ini diterbitkan pada tahun 1953. Berdasarkan penelitian, pada 1970-an hingga 2008, tidak ada penemuan karya syair diraja. Hanya pada tahun 2009, barulah *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* yang ditulis oleh Ibrahim Mohd Said diterbitkan. Manakala *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* karya Maskiah Masrom diterbitkan pada tahun 2018.

Kedua, kedua-dua teks syair diraja ini mengkhusus kepada penceritaan raja yang hidup sezaman dengan penulis. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* yang diterbitkan pada tahun 2009 menjadikan Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah, Sultan Perak yang ke-34 sebagai objek penulisan. Karya ini dihasilkan oleh penulis dari negeri Perak. Teks *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* pula merakamkan sejarah hidup Sultan Ibrahim, Sultan Johor yang ke-24. Ketiga, kedua-dua teks ini menjadikan raja atau sultan sebagai objek penceritaan.

Keempat, kedua-dua teks menjadikan raja atau sultan sebagai objek penceritaan. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* yang ditulis oleh Ibrahim Mohd Said yang diterbitkan pada tahun 2009 meletakkan Sultan Azlan Shah, yang memerintah sejak 1989 hingga 2014, sebagai objek penulisan. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* oleh Maskiah Masrom yang dihasilkan pada tahun 2018 pula mempersembahkan penceritaan berhubung

Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar. Baginda memerintah negeri Johor bermula pada tahun 23 Januari 2010 hingga kini. Manakala teks syair yang dihasilkan oleh penulis Kedah yang diterbitkan pada tahun 2001 merakamkan pemerintah Sultan Kedah sejak tahun 1136, pada zaman Sultan Muzaffar Shah 1 hingga pemerintahan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (1958). Kemudian *Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan* (2020) pula menekankan tentang adat istiadat dalam pemerintahan kerajaan negeri Kelantan.

Terdapat tiga teks syair lain yang lahir pada era kontemporari tetapi tidak menjadi teks dasar pengkajian disebabkan oleh tiga faktor. Pertama, teks tersebut menjadikan idea lain sebagai objek penceritaan. Contohnya, teks *Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan* dihasilkan oleh Aziz Deraman et al. (2020). Teks ini mempersembahkan susunan adat istiadat yang diamalkan oleh Kesultanan Melayu Kelantan. Inti pati penulisannya berasaskan buku *Halaman Adat Istiadat Raja D'Raja Kelantan*. Teks ini merangkumkan keseluruhan adat istiadat penting warisan raja-raja Melayu Kelantan. Teks kedua, *Syair Kedah Darul Aman.*, hasil tulisan Abdul Halim "R" (2006). Teks syair ini merakamkan peristiwa bersejarah Kesultanan Kedah selama 864 tahun bermula pada tahun 1136. Teks ini tidak merakamkan sejarah raja yang hidup sezaman dengan penulis. Penulis menjadikan rakaman sejarah raja negerinya yang berlaku dalam abad ke-12. Teks ketiga, *Syair Tun Abdul Razak Hussein Perdana*

*Menteri Malaysia Kedua*<sup>4</sup> yang diterbitkan pada tahun 2009. Teks ini pula menjadikan pemimpin atau Perdana Menteri Malaysia yang kedua sebagai objek penceritaan.

### Batas Kajian

Kajian ini dibataskan oleh idea, skop dan kriteria penulisan berhubung peristiwa dan kenangan yang dilalui oleh raja atau sultan kedua-dua negeri berkenaan dalam menjalani kehidupan.

### Kajian Lepas

Berdasarkan penelitian, terdapat beberapa kajian yang dilakukan dalam genre syair diraja. Antaranya teks *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* dikaji oleh Muhammad Yusuff Hashim pada tahun 1991. Muhammad Yusuff Hashim menggunakan tiga teks syair yang berkaitan dengan Raja Terengganu, Sultan Zainal Abidin. Tiga teks berkenaan ialah *Riwayat Terengganu Darul Iman*, *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* dan Teks C<sup>5</sup>. Kajian beliau bersifat penyelenggaraan dan penganalisisan syair tradisional Melayu

4 *Syair Tun Abdul Razak Hussein Perdana Menteri Malaysia Kedua* hasil karya Muhd Yusof Ibrahim (2009) merakamkan keperibadian, ketokohan dan perjuangan Tun sebagai pemimpin ulung. Di samping itu, terdapat unsur teladan dengan menyerlahkan jasa dan bakti Tun Abdul Razak kepada rakyat dan negara.

5 Menurut Muhammad Yusuff Hashim (1991), teks C ini tidak dapat diberikan sebarang judul kerana bahagian awal dan akhir teks ini telah hilang. Jika dibandingkan dengan teks A (*Riwayat Terengganu Darul Iman*) dan teks B (*Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga*), jelas tertulis tajuk teks masing-masing.

negeri Terengganu dan bercorak sejarah. Ketiga-tiga teks ini dijadikan sandaran penelitian kritis dan mendalam berhubung penggunaan kaedah dan pendekatan penulis Melayu masa lampau dalam menulis sejarah masyarakat tempat beliau berada. Fakta sejarah dalam syair Tengku Dalam Khaltum Hasil digunakan oleh penulis teks dalam karyanya.

Noriah Mohamed mengkaji teks *Syair Sultan Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* (2001), hasil tulisan Na Tian Piet. Kajian ini tertumpu kepada teks luaran dan dalaman. Teks luaran meliputi pengarang dan kepengarangan serta pentarikhkan. Selain itu, Noriah Mohamed (2001) juga turut membandingkan teks *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* dengan teks *Syair Sultan Abu Bakar*, kajian karya seorang kelana yang berada di Pahang. Fokus perbandingan yang dilakukan adalah berdasarkan sikap sultan yang amat memikat kerana memiliki akhlak terpuji.

*Struktur dan Nilai Budaya Syair Bertema Sejarah: Syair Sultan Mahmud di Lingga, Syair Perang Banjarmasin dan Syair Raja Siak* hasil kajian Sunardjo et al. (2001) menjadikan tiga teks syair tersebut sebagai bahan analisis. Kajian ini tertumpu kepada teks dalaman atau struktur cerita seperti tema, amanat, penokohan, latar, dan nilai budaya. Analisis struktur dilakukan untuk mengetahui nilai budaya yang terkandung dalam teks-teks berkenaan. Penelitian dalam konteks penokohan dan latar dilakukan untuk menemukan syair bertema sejarah secara tuntas. Hasil kajian

menemukan bahawa nilai-nilai budaya yang terdapat dalam ketiga-tiga teks berkenaan membincangkan hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia dengan masyarakat.

Seterusnya, kajian Jelani Harun (2015) terhadap teks *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah karya Agung Terengganu* telah diterbitkan dalam *Jurnal Iman*. Kajian yang dijalankan terhadap teks ini adalah untuk membuktikan bahawa kekuatan dan kedudukan syair ini sememangnya layak untuk diangkat sebagai sebuah karya agung.

Dua teks syair baharu iaitu *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* secara tuntasnya mengetengahkan kekuatan kajian ini sebagai bahan analisis. Kedua-dua karya syair diraja ini lahir dalam era kontemporari. Justeru, kelompangan dari sudut teks baharu yang dijadikan landasan analisis inilah yang perlu diisi. Sedangkan, kajian terdahulu masih terikat dengan teks era 1800-an dan 1900-an.

Lantas, artikel ini bertujuan membandingkan persembahan kedua-dua teks syair ini berhubung pemerihalannya, pengangkatan dan penyanjungan penyair terhadap raja bagi negeri masing-masing.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* lahir dalam era kontemporari. Sanjungan dan penghormatan terhadap raja dan sultan



masing-masing menjadi idea penceritaan. Penelitian ini menemukan bahawa kedua-dua pengarang memartabatkan raja dan sultan masing-masing dengan merakamkan peristiwa yang menjadi kenangan yang dilalui dalam perjalanan kehidupan Sultan Perak dan Johor.

### Peristiwa dan Kenangan

Kisah dan peristiwa adalah satu kenangan yang bermakna yang kekal dalam ingatan dan mengundang 1001 perasaan. Bahagia, gembira, suka, duka, sedih, kecewa dan hampa adalah perasaan yang lahir daripada perjalanan kehidupan. Semua ini atas ketentuan dan suratan serta rencana di bawah lembayung Allah Yang Esa. Pendokumentasian peristiwa dan kenangan yang dipaparkan dalam karya penulis adalah pujian dan sanjungan kepada paduka baginda. Sebagai insan biasa, tiada beza antara manusia meskipun yang berdarah raja. Namun perjalanan kehidupan tetap serupa biarpun tidak sama. Sultan Azlan Shah dan Sultan Ibrahim melalui pelbagai peristiwa kehidupan sebagai kenangan yang akan kekal dalam ingatan melalui karya syair diraja era kontemporari. Pengisahan peristiwa dan kenangan dirakam dalam karya *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar*. Inilah hakikat kehidupan yang sebenar yang dilalui oleh seorang pemerintah negeri. Biar terlihat kebahagiaan tetapi ada duka di sebalik kegembiraan.

Makanan dan minuman kegemaran serta tempat bermain dan tempat bergurau

senda merupakan peristiwa dan kenangan dalam zaman remaja Sultan Azlan Shah yang dicatat dalam karya *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat*. Makanan dan minuman kesukaan baginda seperti mi goreng dan cendol merupakan kenangan dan peristiwa yang tidak akan luput dalam ingatan baginda. Warung lama yang berdekatan dengan hentian keretapi menjadi lokasi persinggahan wajib baginda. Warung lama ini akan dikunjungi oleh baginda sekiranya ke bandar raya Ipoh terutama ketika cuti sekolah bermula. Cuti persekolahan dimanfaatkan oleh baginda dengan sebaik-baiknya dengan berkunjung ke rumah rakan dan mengisi ruang selera. Bagi baginda, ini merupakan kegembiraan yang tidak akan dapat dilupakan. Baginda dapat bergembira bersama-sama rakan dan menikmati hidangan kegemaran. Aktiviti sebegini membolehkan baginda mengutip pengalaman dan menyimpan kenangan zaman remaja. Penulis merakamkannya menerusi petikan syair di bawah.

Kawan ramai luaslah pergaulan,  
Cuti sekolah selalu berjalan,  
Warung-kedai singgah makan-makan,  
Mi rebus dan cendol suatu kegemaran.

Pergi Ipoh ketika kelapangan,  
Warung lama tempat persinggahan,  
Gerai 'favorite' dekat keretapi  
perhentian,  
Mi rebus dan cendol tidak ketinggalan.

(Ibrahim Mohd Said, 2009, hlm. 38)

Jika dalam teks *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat*, pengalaman semasa alam remaja Sultan Azlan menikmati makanan, minuman di warung lama hentian keretapi dijadikan sebagai peristiwa dan kenangan. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar* pula merakamkan peristiwa Sultan Ibrahim pada zaman dewasa ketika baginda bergelar suami dan ayah. Baginda seorang pemimpin negeri yang meminati dan menggemari sukan lasak dan mencabar. Sukan polo antara sukan lasak yang diminati oleh baginda. Sukan ini menjadikan kuda sebagai tunggangan untuk mengejar bola dan menjaringkan gol. Dua kombinasi keintelektualan diperlukan iaitu mengatur strategi mendapatkan bola di tangan lawan serta bijak mengenderai kuda.

Tuanku cekap menunggang kuda,  
Namun terjatuh perkara biasa,  
Tuanku tabah dan bersiap sedia,  
Bak pepatah alah bisa tegal biasa.

(Maskiah Masrom, 2018, hlm. 167)

Lantaran terlalu meminati sukan polo ini, bahaya yang menanti bukan penghalang untuk baginda terus bermain. Akibatnya baginda telah mengalami kecederaan pada bahu dan memberi kesan kepada tulang belakang baginda. Untuk mendapatkan kesembuhan, baginda perlu mendapatkan rawatan di Sydney. Pembedahan dijalankan sebanyak dua kali untuk memastikan baginda sembuh dan pulih sepenuhnya. Pembedahan itu memerlukan pemasangan titanium dalam tubuh. Baginda menjadikan

peristiwa ini sebagai kenangan yang tidak akan dilupakan dan menerimanya dengan penuh reda kerana yakin bahawa setiap sesuatu yang berlaku itu pasti ada hikmah di sebaliknya. Inilah sifat positif yang baginda tanam dalam diri untuk mendepani peristiwa getir.

Tuanku pernah lalui pembedahan,  
Sakit di bahu tiada tertahan,  
Bermain polo punya penangan,  
Tulang belakang menerima kesan.

Tertanam titanium di tubuhnya,  
Kesan pembedahan ada kenangan,  
Takdir diterima penuh redanya,  
Segala ujian Allah ada hikmah-Nya

(Maskiah Masrom, 2018, hlm. 165-166)

Sultan Azlan Shah tidak akan melupakan kenangan dan peristiwa zaman remajanya berbasikal bersama-sama rakannya. Baginda menjadikan aktiviti berbasikal untuk mengisi masa terluang. Seluruh kawasan kampung dan pekan berhampiran lokasi kediaman dijelajahi dengan basikal lombanya semasa cuti sekolah. Baginda akan berbasikal pada waktu petang setelah selesai sesi persekolahn. Dengan berbasikal, baginda bukan sahaja dapat menikmati situasi kehidupan kampung tetapi pada masa yang sama baginda dapat menyihatkan tubuh. Hilir Sungai Terap, Perak Hdryo Power dan Changkat ialah laluan yang menjadi kenangan baginda. Lokasi inilah yang menjadi tempat yang sering baginda tujui dan lalui dengan basikal *racing*nya seperti yang digambarkan dalam syair berikut.



Basikal Tuanku 'racing' baru,  
Orang membeli kurang mampu,  
Suatu masa ketika dahulu,  
Kuranglah orang membeli mampu.

Ketika tuanku zaman remaja,  
Berkayuh basikal merentas desa,  
Hilir Sungai Terap kayuhan bermula,  
Hulu kampungnya masjid juga.

Jalan 'melentin' berkayuh berlegar,  
Perak Hydro Power kawasan sekitar,  
Keliling kompeni berkayuh berputar,  
Terkenal 'melentin' bijian pengeluar.

Letih berkayuh berhenti berehat,  
Menunggang semula balik ke Changkat,  
Berbasikal beriadah amalan sihat,  
Begitulah Tuanku selalu berbuat.

(Ibrahim Mohd Said, 2009, hlm. 40)

Wan Hashim Wan Teh (1989) juga mengakui kebenaran fakta ini. Peristiwa yang membuktikan bahawa baginda sememangnya gemar berbasikal mengelilingi kawasan-kawasan berhampiran di kampungnya. Peristiwa ini menjadi kenangan dan ingatan bukan sahaja kepada diri baginda sendiri tetapi juga kepada khalayak berbasikal. Katanya:

Pada waktu persekolah, Sultan Azlan Shah digambarkan oleh sanak saudara terdekat baginda di Batu Gajah sebagai seorang anak yang 'nakal.' Baginda dikatakan gemar berbasikal. Baginda akan mengayuh basikal lumba

miliknya ke sana-ke mari selepas masa persekolahan. (Wan Hashim Wan Teh, 1989, hlm. 65)

Sendainya Sultan Azlan dengan kenangan basikal *racing*, baginda Sultan Ibrahim pula yang meminati kenderaan berkuasa tinggi dan kenderaan di awan yang perlu baginda kemudi. Berkat ilmu yang ditimba dalam bidang ketenteraan membolehkan baginda mengemudi helikopter dan membuat terjunan. Walaupun begitu, setiap sesuatu yang berlaku semuanya kehendak Yang Maha Esa. Dalam kemampuan dan kebijaksanaan baginda mengemudi helikopter, baginda juga tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Lantaran kesilapan membawa kepada musibah. Walaupun begitu, hanya kesilapan kecil yang berlaku menyebabkan helikopter yang dikemudi mendarat secara tiba-tiba di kandang kuda di Kelab Polo. Kemampuan dan kebijaksanaan baginda mengemudi helikopter menjadikan musibah itu sebagai kemalangan kecil yang tidak berbahaya. Seandainya tanpa ilmu yang baginda miliki pasti helikopter berkenaan akan terhempas dan bisa membawa kepada kematian. Peristiwa hitam ini akan terus menjadi satu kenangan berharga, yang mengajar baginda erti dan makna pentingnya ilmu di dada.

Musibah nahas pernah menimpa,  
Tuanku terkandas ke kandang kuda,  
Mendarat helikopter secara tiba-tiba,  
Peristiwa di Kelab Polo tak dilupa.

(Maskiah Masrom, 2018, hlm. 167)

Kawasan hutan terbakar juga menjadi peristiwa dan kenangan yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh baginda Sultan Azlan Shah. Peristiwa ini berlaku ketika baginda dan rakan-rakan sedang mandi-manda di lombong Sungai Terap. Setelah penat berkayuh, aktiviti mandi di lombong menjadi permainan seterusnya. Baginda dapat mendinginkan tubuh yang dibasahi peluh ketika berkayuh. Ketika sedang gembira menikmati kedingingan air lombong, baginda dan rakan-rakan dikejutkan oleh kepulan asap besar yang memenuhi ruang udara. Situasi ini menimbulkan kebimbangan dan ketakutan bukan sahaja kepada baginda dan rakan-rakannya, tetapi juga kepada orang lain yang turut berkunjung dan mandi di lombong berkenaan. Kebakaran ini berlaku berpunca daripada tindakan nakal anak-anak muda membakar lalang. Kebakaran merebak luas memandangkan lalang berkenaan telah layu dan kering.

Adalah pada suatu harian,  
Raja Azlan pergi berkelahan,  
Sambil berkelah bermandi-mandian,  
Lombong Sungai Terap kolam renangan.

Sedang berehat di pinggir lombongan,  
Tiba-tiba berlaku suatu kebakaran,  
Asap kepulan naik ke awan,  
Terkejutlah semua orang berkelahan.

Ada 'jelatang' nakal kelakuan,  
Mencucuh bakar lalang kekeringan,  
Api besar merebak berjulang-julangan,  
Memakan teberau dan peropok  
kelilingan.

(Ibrahim Mohd Said, 2009, hlm. 40-41)

Bagi Sultan Ibrahim pula peristiwa kemalangan kereta tidak akan baginda lupakan. Baginda memandu sendiri kereta Lamborghini milik nendanya untuk merasai pengalaman mengemudi kereta berjenama yang harganya mencecah jutaan ringgit. Baginda ingin merasai sendiri kemewahan memandu kereta berkenaan. Bahkan baginda inginkan setiap jenis kenderaan dapat baginda kemudi. Jika helikopter, keretapi, bas, dan motobot dapat baginda pandu, adalah satu kerugian jika Lamborghini tidak dapat baginda kemudi. Namun percubaan kali pertama membawa kepada kemalangan kecil. Kereta mewah itu terbabas secara tiba-tiba. Walau bagaimanapun, tiada kecederaan yang dialami oleh baginda. Peristiwa ini tidak juga memadamkan semangat dan keinginan baginda yang gemar mencuba sesuatu. Kejadian ini ialah satu lagi kenangan yang akan kekal dalam ingatan baginda.

Ketika menaiki kereta nenda,  
Lamborghini mahal tidak terkira,  
Terdorong perasaaan ingin mencuba,  
Kereta terbabas tidak diduga.

(Maskiah Masrom, 2018, hlm. 167)

Begitu juga dengan peristiwa pemergian anakanda Almarhum Abdul Jalil tercinta kerana serangan kanser tidak akan Sultan Ibrahim lupakan. Biarpun begitu baginda sebenarnya mengharapkan kesembuhan buat anakanda. Baginda sering bermunajat kepada Allah agar anakanda baginda disembuhkan sepenuhnya daripada penyakit

kanser yang dideritai. Namun, Allah lebih menyayanginya.

Setiap kali kenangan bertandang,  
Air mata Tuanku pasti tergenang,  
Diuji gering putera tersayang,  
Bukan ujian yang calang-calang.

Doa dipohonkan setiap hari,  
Agar kegeringan berlalu pergi,  
Menatap putera tak sampai hati,  
Semoga putera sihat kembali.

(Maskiah Masrom, 2018, hlm. 168)

Sebagai manusia, Sultan Ibrahim reda menerima pemergian anakanda tersayang baginda Abdul Jalil kembali kepada Yang Maha Esa. Biarpun terlalu sukar untuk baginda terima tetapi inilah peristiwa hitam yang penuh duka. Peristiwa yang tidak akan baginda lupakan dan akan kekal dalam ingatan. Pemergian anakanda baginda akibat serangan kanser yang tidak mengenal usia, pangkat dan kedudukan. Kekayaan juga tidak dapat menebus kesembuhan biarpun baginda miliki wang berjuta. Baginda sedar bahawa kanser merupakan penyakit pembunuh senyap nombor satu manusia. Kenangan bersama-sama anakanda Abdul Jalil akan terus diingati. Perasaan sayang dan cinta terhadap anakanda tidak akan luput dalam ingatan baginda. Justeru, baginda sering mengunjungi makam anakanda dan menghadiahi bacaan ummul kitab dan bacaan surah Yasin pada setiap malam Jumaat.

Masghulnya Tuanku tidak terperi,  
Putera tercinta dijemput Ilahi,  
Segala kenangan tersimpan di hati,  
Kasih tertumpah tiada pengganti.

Tuanku terkesan pemergian putera,  
Almarhum Abdul Jalil yang tercinta,  
Setiap Jumaat ke makam anakanda,  
Doa dipohon fatihah dibaca.

(Maskiah Masrom, 2018, hlm. 168)

Sesungguhnya setiap kejadian yang berlaku ada hikmahnya. Pemergian anakanda baginda Abdul Jalil telah membuka hati dan minda baginda. Jiwa kerakyatan memenuhi ruang jiwa dan baginda sangat terkesan dengan pemergian anakanda tersayang. Justeru, baginda mengharapkan peristiwa dan kenangan hitam ini tidak berulang kepada orang lain. Apatah lagi buat rakyat jelata dan bawahan. Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, baginda menubuhkan Yayasan Kanser. Penubuhan yayasan ini dibina untuk penyelidikan mencari penawar penyakit kanser. Baginda melaburkan jutaan wang ringgit dengan harapan moga penyakit pembunuh senyap nombor satu ini akan ditemukan penawarnya. Untuk kesejahteraan rakyat Johor khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Di samping itu, baginda menjadi ikon untuk kempen kesihatan.

Kehilangan putera memberi hikmah,  
Yayasan Kanser segera digubah,  
Membantu pesakit sentiasa tabah,  
Semua dugaan daripada Allah.

(Maskiah Masrom, 2018, hlm. 168)

Sementara itu, Sultan Azlan Shah gemar mengunjungi Stesen Keretapi Kampung Pisang. Stesen ini merupakan lokasi yang menjadi tempat bermain semasa zaman remaja baginda. Di stesen inilah baginda berkejaran dan berlarian bersama-sama rakan. Di stesen ini juga tempat baginda berbual, bersembang dan menghabiskan masa senggang. Baginda dapat melihat asap dan siulan keretapi yang sangat menyenangkan di stesen ini. Di stesen inilah juga Sultan Azlan mengenali erti kehidupan dengan meneliti gelagat manusia. Baginda dapat melihat dengan jelas perbezaan taraf kehidupan bangsa Eropah dengan bangsa Melayu yang dijajah. Bangsa Eropah memiliki keistimewaan kerana kekayaan. Dalam Gerabak Eksklusif Kelas Satu milik bangsa berkulit putih ini kadang kala penumpang bangsa terjajah iaitu bangsa Melayu terpaksa berdiri. Di stesen ini juga baginda dapat menyaksikan sikap negatif bangsanya yang menghabiskan masa berharga dengan hanya berbual-bual sehingga senja.

Hentian keretapi tempat bertumpu,  
Tempat bermain Raja Azlan selalu,  
Asyik melihat 'passenger' berlalu,  
Keretapi 'mel' singgahnya lalu.

Ada gerabak 'eksklusif tertentu,  
'Orang Putih' duduk kelas satu,  
'Orang Asia' tersisih kelasan begitu,  
'Bangsa terjajah dihina selalu.

Azlan bermain di stesen keretapi,  
Sewaktu kecil remajaan lagi,

Bersama rakan berkejar berlari,  
Bermain berhibur gaya tersendiri.

Raja Azlan duduk seharian melepak,  
Bermacam dilihat berbagai nampak,  
Menengok manusia berbagai lagak,  
Setengahnya duduk seharian berborak.

(Ibrahim Mohd Said, 2009, hlm. 46-47)

Baginda Sultan Ibrahim pula gemar dan minat dalam dunia masakan. Di sebalik kelasakan baginda dengan sukan polonya, dengan gemarkan pemanduan kenderaan berkuasa tinggi, tertanam sikap sukakan dunia kulinari. Justeru, ruang penyediaan makanan di Istana Flinstone dilengkapi oleh deretan buku resepi yang lengkap untuk penyediaan makanan tempatan dan makanan Barat. Dalam kemampuan baginda menunjukkan skil dan kebolehan memasak baik makanan Barat apatah lagi makanan tempatan, turut mengundang satu kenangan. Bukan sahaja sebagai satu peristiwa getir tetapi memberi 1001 pengajaran dalam diri baginda. Bermula dari peristiwa itu, sikap berhati-hati dan berwaspada perlu ada dalam diri baginda walau dalam dunia penyediaan makanan. Sikap tidak berhati-hati dan berwaspada akan mengundang bahaya. Peristiwa tertumpahnya air panas ke tangan tidak akan baginda lupakan. Akibatnya telah meninggalkan tanda melecur sebagai ingatan dan pengajaran.

Pada tempat penyediaan makanan,  
Buku resepi di rak berderetan,  
Masakan Barat dan tempatan,  
Menanti Tuanku membuat rujukan.

Tangan Tuanku pernah tercedera,  
Penangan air panas amat terasa,  
Kesan melecur tinggalkan tanda,  
Diri perlu sentiasa waspada.

(Maskiah Masrom, 2018, hlm. 167-202)

## KESIMPULAN

Skop peristiwa dan kenangan menjadi inti perbincangan dalam artikel ini. Kedua-dua sultan daripada dua negeri berbeza melalui peristiwa dalam kehidupan yang berbeza. Peristiwa dan kenangan zaman remaja menjadi inti penceritaan dalam kehidupan Sultan Azlan Shah, Sultan Perak. Mi goreng dan cendol, dua menu yang sangat baginda gemari. Warung lama yang berdekatan dengan hentian keretapi menjadi lokasi persinggahan wajib baginda. Warung lama ini akan dikunjungi baginda sekiranya ke bandar raya Ipoh terutama ketika cuti sekolah bermula. Aktiviti berbasikal bersama-sama rakan di pekan dan kampung untuk mengisi masa terluang menjadi kenangan manis dan bermakna. Stesen Keretapi Kampung Pisang tempat bermain, berkejaran dan berlarian bersama-sama rakan dalam zaman remaja baginda. Di setesen ini juga tempat baginda berbual, bersembang dan menghabiskan masa senggang.

Kehidupan zaman bergelar suami dan seorang ayah pula menjadi pelukisan cerita dalam teks syair negeri Johor. Peristiwa hitam dan kenangan yang penuh teladan serta pengajaran akan menjadi ingatan yang tidak akan dilupakan oleh baginda. Semua peristiwa dan kenangan itu akan terus kekal

dan mekar dalam memori. Semuanya telah membentuk baginda menjadi seorang yang lebih tabah, sabar dan lebih mengerti makna kemanusiaan.

## PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Bahagian Biasiswa dan Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang menaja pembelajaran bagi Rosnani Ibrahim pada peringkat Doktor Falsafah.

## RUJUKAN

- Abdul Halim "R". (2006). *Syair Kedah Darul Aman*. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Aziz Deraman, Baharin Illias, & Muhammad Ikhrum Fadhly. (2020). *Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1987). *Konsep-konsep pembahagian dan pencirian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mohd Said. (2009) *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat*. Jabatan Arkib Negara.
- Jelani Harun. (2015). Syair tawarikh Zainal Abidin yang ketiga sebuah karya agung Terengganu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 3-15.
- Maskiah Masrom. (2018). *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. Jabatan Diraja Johor, Istana Besar.
- Muhammad Yusuff Hashim. (1991). *Terengganu Darul Iman tradisi persejarahan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusof Ibrahim. (2009). *Syair Tun Abdul Razak Hussein Perdana Menteri Malaysia Kedua*. Tinta Publishers.
- Noriah Mohamed. (2001). *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*. Yayasan Warisan Johor.

- Sunardjo, N., Sulistiati, & Yeni, M. (2001). *Analisis struktur dan nilai budaya syair bertema sejarah: Syair Sultan Mahmud di Lingga. Syair Perang Banjarmasin dan Syair Raja Siak*. Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.
- Wan Hashim Wan Teh. (1989). *Riwayat hidup DYMM Sultan Azlan Shah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.